



1 Mac 2016
1 March 2016
P.U. (A) 48

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH FI (PASPORT DAN VISA) (PEREMITAN FI) 2016

FEES (PASSPORTS AND VISAS) (REMISSION OF FEES) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (PASPORT DAN VISA) (PEREMITAN FI) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10 Akta Fi 1951 [*Akta 209*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Pasport dan Visa) (Peremitan Fi) 2016**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh mulai 1 Mac 2016 hingga 31 Disember 2016.

Peremitan fi

2. (1) Fi bagi visa yang kena dibayar di bawah butiran 2II Perintah Fi (Pasport dan Visa) 1967 [*P.U. 189/1967*] bagi butiran Republik Rakyat China diremitkan satu ratus peratus.

(2) Peremitan fi di bawah subperenggan (1) hendaklah hanya terpakai bagi pelancong yang merupakan warganegara Republik Rakyat China yang datang ke Malaysia bagi maksud lawatan sosial, tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

(a) kategori pelancong adalah seperti yang berikut:

(i) pelancong individu;

(ii) pelancong berkumpulan; atau

(iii) apa-apa kategori lain yang boleh ditentukan oleh Ketua Pengarah Imigresen; dan